

# 200,000 dijangka hadiri rumah terbuka

ALOR STAR, Ahad - Kira-kira 200,000 orang termasuk pelancong asing dijangka menghadiri sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat Kebangsaan di sini, pada 21 Disember depan.

Selain menjadi medan bagi pelbagai kaum berkumpul untuk berhari raya bersama, rumah terbuka itu juga dijangka dihadiri Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra dan gabenor Wilayah Selatan Thailand.

Setakat ini, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sudah menyatakan persetujuan untuk turut hadir.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata Thaksin dan gabenor Wilayah Songkhla, Narrathiwat, Yala dan Patani akan dijemput menghadiri rumah terbuka itu, bertujuan merapatkan kerjasama pelancongan.

"Tahun lalu, sambutan diadakan di Johor Bahru, sekali gus merapatkan kerjasama pelancongan antara Malaysia dan Singapura," katanya pada sidang akhbar, di sini hari ini.